

MASIH MUNGKINKAH SEMANTIK?

Jonathan Berg

Diterjemahkan oleh

Jane Frances Ragavan

Abstrak

Pandangan lazim tentang semantik—bahawa setiap ayat yang mempunyai satu tafsiran mempunyai kandungan semantik yang tertentu, berbanding dengan pemberian kandungan kepada pernyataan yang bergantung pada konteks, dan tidak semestinya serupa dengan apa yang mungkin disampaikan (secara pragmatik) oleh pengucapnya — disokong berbanding dengan bantahan lazim dan juga didukung atas sebab-sebab bebas, yang menyarankan bahawa bantahan kepada pandangan ini berpunca daripada kegagalan membezakan antara “semantik yang sebenarnya” dengan “semantik yang kurang tepat”.

Abstract

The standard view of semantics—that every disambiguated sentence has a determinate semantic content, relative to an assignment of contents to its indexical expressions, and not necessarily identical to what may be conveyed (pragmatically) by its utterance—is defended against standard objections and is also argued for on independent grounds, which suggest that resistance to the view comes from a failure to distinguish between “strict semantics” and “loose semantics”.

PENDAHULUAN

“Dalam dekad yang lepas, kejayaan besar telah dicapai dalam teori sintaksis bahasa tabii ... Kejayaan yang dapat dibandingkan nampaknya *tidak* dicapai dalam teori semantik bahasa tabii, dan mungkin sudah tiba masanya dibangkitkan pertanyaan mengapa hal ini sepatutnya berlaku. Mengapakan teori makna begitu *sukar*?” (Putnam, 1970:139).

Apabila Hilary Putnam membangkitkan persoalan ini lebih 30 tahun yang lalu, beliau menumpukan perhatian terutamanya kepada semantik bagi istilah tabii — beliau telah membuktikan bahawa hal ini tidak semudah yang dijangkakan sebelum itu. Namun demikian, beliau akhirnya menjawab persoalan tersebut dengan harapan yang berhati-hati:

“Mengapa pula semantik begitu sukar? Berdasarkan pengalaman, saya ingin menyarankan bahawa semantik adalah sains sosial yang tipikal. Kekurangan struktur, teori dan peraturan yang tepat, kekurangan kaedah yang rapi seperti dalam bidang matematik, semuanya ciri sains sosial masa kini. Suatu teori yang umum dan tepat . . . masih belum dapat digarap. Tetapi hakikat bahawa keadaan sempurna ini masih jauh dari genggaman tidak bermakna bahawa kehidupan seharian seharusnya berhenti dengan tiba-tiba. Banyak yang boleh kita siasat, dengan cara kita yang cincai dan berdasarkan anggapan, dan banyak yang dapat kita peroleh. Langkah pertama ialah membebaskan diri kita daripada sikap terlalu mempermudah sesuatu yang sudah biasa kita amalkan, dan untuk melihat di mana letaknya masalah sebenarnya. Saya berharap makalah ini akan memberi sumbangan kepada langkah pertama itu” (1970:142).

Walaupun bersikap optimistik pada peringkat awal, Putnam (1997) tidak lama dahulu bersetuju dengan mereka (seperti Searle, 1978 dan Travis, 1989, 1991, 1997) yang menunjukkan ada sumber kesukaran yang lain dalam semantik: suatu “ayat, cuma sebagai ayat”, kata Putnam (1997: 16–7), “tidak *mempunyai* kandungan tertentu selain daripada pengucapan tertentu”. Jadi, jika teori semantik sepatutnya menentukan kandungan setiap ayat secara umum, nampaknya semantik sememangnya suatu yang tidak mungkin sama sekali.

Saya percaya bahawa, sekali lagi, keraguan tentang kemungkinan semantik (sekurang-kurangnya sebagaimana dibentuk secara lazim) mungkin dikurangkan dengan mengambil langkah pertama, iaitu membebaskan diri kita daripada bersikap terlalu mempermudah sesuatu — di sini bukan dari segi perhubungan antara istilah tabii dengan ciri-ciri stereotaip, tetapi dari segi perhubungan antara kandungan semantik perkataan dengan pemahaman kita tentang pengucapan tertentu. Dengan itu, mengikut contoh Putnam, dapatlah saya menyumbang kepada langkah pertama tersebut.

MENJELASKAN PERSOALAN

Persoalan yang perlu ditanya *bukan* semata-mata sama ada kandungan semantik bergantung atau tidak bergantung pada konteks.¹ Seperti yang

sedia maklum kandungan semantik dalam setengah-setengah ayat *memang* bergantung pada konteks sesuatu ayat — iaitu, ayat yang sama boleh digunakan untuk menyatakan pelbagai perkara yang berbeza dalam konteks yang berbeza — dan pandangan lazim tentang semantik memungkinkannya.

Sebagai contoh, lihat ayat ini:

(1) *Noam likes flying bats.*

Dalam satu konteks, ayat ini mungkin digunakan untuk menyatakan sesuatu tentang sejenis haiwan (*bat* — kelawar), dan dalam konteks yang lain, mungkin digunakan untuk menyatakan sesuatu tentang sejenis alat sukan (*bat* — kayu pemukul). Pandangan lazim tentang semantik membolehkan pergantungan pada konteks ini dengan menganggap perkataan “*bat*” sebagai *taksa dari segi leksis* — iaitu, dengan memberikan pelbagai makna kepada sesuatu perkataan supaya kandungan semantik ayat itu berbeza-beza mengikut maksud kegunaan sesuatu perkataan.

Yang turut berkaitan dengan makna tunggal perkataan “*bat*” — katakan, haiwan — ayat (1) boleh digunakan dalam satu konteks untuk menyatakan sesuatu tentang jenis kelawar yang digemari oleh Noam — jenis yang terbang — dan dalam konteks yang lain, untuk menyatakan sesuatu tentang apa yang gemar dilakukan oleh Noam dengan kayu pemukul — membalingnya ke udara. Pandangan lazim tentang semantik membolehkan jenis pergantungan pada konteks ini juga, dengan menganggap ayat seperti (1) sebagai *taksa dari segi sintaksis* — iaitu dengan memberi struktur sintaksis yang berbeza kepada (1) supaya kandungan semantik ayat berbeza mengikut cara pentafsirannya.²

Sumber lain dari segi pergantungan pada konteks dalam (1) ialah kata kerja kala kininya dan oleh yang demikian, ayat itu dapat digunakan dalam keadaan yang berbeza pada masa yang berbeza. Ini dapat dilakukan melalui pandangan lazim tentang semantik dengan menganggap perkataan “*likes*” (gemar) sebagai *bergantung pada konteks*, merujuk kepada masa-masa yang berbeza apabila digunakan.³

Dan semestinya, nama “Noam” dapat digunakan pada masa yang berbeza untuk merujuk kepada orang yang berbeza. Pada suatu masa, “Noam” merupakan ketaksaan leksis, dan pada masa yang lain, “Noam” merupakan pergantungan pada konteks. Dari apa segi sekalipun, pandangan lazim tentang semantik dapat menangani jenis pergantungan pada konteks seperti ini juga.

Tambahan lagi, selain keadaan yang di dalamnya kandungan *semantik*

mungkin bergantung pada konteks, pandangan lazim tentang semantik memungkinkan *apa yang disampaikan oleh seseorang* dengan mengucapkan sesuatu ayat — kandungan *pragmatik* sesuatu pengucapan — mungkin bergantung pada konteks dalam banyak keadaan yang lain. Berbanding dengan satu makna “*bats*” tertentu, suatu huraian (1) tertentu, suatu masa pengucapan tertentu, dan individu tertentu bernama “Noam” — ayat (1) boleh digunakan untuk menyampaikan sekian banyak mesej secara pragmatik. Dalam satu konteks, seseorang mungkin menyatakannya secara sinis, untuk menunjukkan bahawa Noam *tidak* gemar kelawar yang terbang. Dalam konteks yang lain, seseorang mungkin menggunakannya sebagai metafora, untuk menyampaikan mesej bahawa Noam gemar menyaksikan pertarungan antara olahragawan. Dalam konteks yang lain pula, seseorang dapat menggunakannya untuk membayangkan bahawa Noam akan membantah penyingkiran pemain yang “menerbangkan” kayu pemukul mereka. Segala pergantungan pada konteks ini selaras dengan pandangan lazim tentang semantik (yang memasukkan pandangan lazim tentang pragmatik).

Jadi, persoalan yang sebenarnya bukanlah sama ada kandungan bergantung pada konteks tetapi sama ada kandungan itu bergantung pada konteks lebih daripada yang dikemukakan oleh pandangan lazim. Hujah yang dibincangkan mungkin dirumuskan seperti ini.

Pandangan Lazim tentang Semantik

Setiap ayat *yang mempunyai satu tafsiran* mempunyai kandungan semantik yang tertentu, berbanding dengan pemberian kandungan kepada pernyataan yang bergantung pada konteks, dan tidak semestinya serupa dengan apa yang disampaikan (secara pragmatik) oleh pengucapnya.

Beberapa kaveat harus mengikut tertib. Pertama, bukan semua kelainan kandungan dalam semua konteks dapat dianggap dengan sempurna sebagai ketaksaan atau bergantung pada konteks. Dengan menganggap bahawa sesuatu kes tertentu itu taksa atau bergantung pada konteks maka selarastah dengan teori umum tentang tanggapan ini. Kedua, tidak banyak beban metafizik yang harus diletakkan pada frasa “mempunyai kandungan semantik yang tertentu”. Hal ini hanya bermakna bahawa ayat “menyatakan suatu usul unik” (atau bahagian usul) — bahawa ada sesuatu, dan satu-satunya benda seperti itu, yang merupakan “apa yang dinyatakan” dengan mengucapkan sesuatu ayat.⁴ Perkataan “tertentu” digunakan di sini hanya dalam erti kata “tetap” — bukan dalam erti kata “tepat”.

Kandungan semantik mungkin tidak teratur dan kabur; sama ada sesuatu pernyataan tertentu itu mempunyai kandungan semantik yang tertentu mungkin tidak begitu jelas; semantik bahasa tabii mungkin sentiasa berubah-ubah. Sememangnya, corak rumit tingkah laku manusialah yang memberi makna kepada apa yang dimaksudkan dalam bahasa tabii. (Sorot kembali pencirian Putnam tentang sains sosial.) Ketiga, bahagian yang penting (tetapi agak kurang dipertimbangkan) dalam pandangan lazim tentang semantik adalah bahawa teori semantik perlu dilengkapi oleh teori pragmatik yang meliputi perhubungan antara apa yang disebut dalam suatu pengucapan dengan apa yang disampaikan.

HUJAH LAZIM BERBANDING DENGAN PANDANGAN LAZIM

Cara biasa mengemukakan hujah yang menyangkal pandangan lazim tentang semantik adalah dengan melihat masalahnya. Hujah tersebut berbentuk demikian:

Hujah Lazim Berbanding dengan Pandangan Lazim

- (i) Pengucapan suatu ayat S adalah benar dalam satu konteks tetapi tidak benar dalam konteks yang lain.⁵
- (ii) Perbezaan yang dilihat dalam (i) tidak berpunca daripada ketaksaan atau pergantungan pada konteks.
 - ∴ Pandangan lazim semestinya salah.

Contoh daripada Travis (1989: 18–19):

- (2) There's milk in the refrigerator.
(Ada susu dalam peti sejuk.)

Katakan hanya ada tumpahan susu di bahagian bawah peti sejuk. (Untuk mengelak daripada soalan tentang huraian tertentu yang tidak betul, kita andaikan hanya ada sebuah peti sejuk.) Pertimbangkan pengucapan (2) dalam perbincangan tentang bagaimana sepenuhnya seseorang itu membersihkan peti sejuk. Dalam konteks ini, kata Travis, penutur akan menyatakan sesuatu yang benar. Sebaliknya, pertimbangkan pengucapan ayat yang sama oleh orang yang sama, tetapi dalam konteks pendengar telah membayangkan bahawa dia inginkan sedikit susu untuk kopinya. Dalam konteks ini, kata Travis, penutur akan menyatakan sesuatu yang palsu.⁶ Dengan anggapan bahawa pergantungan pada konteks dalam (2) tidak disebabkan oleh

ketaksaan atau pergantungan pada konteks dan tidak harus dilihat dari segi pragmatik, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pandangan lazim adalah salah.

Biasanya, hujah balas terhadap hujah seperti ini adalah dengan menolak salah satu premis. Dalam hal ini, contohnya, saya mengatakan bahawa ayat ini adalah benar dalam *kedua-dua* konteks. Walaupun (2) mungkin *seolah-olah* palsu dalam konteks pendengar ingin mendapatkan sedikit susu untuk kopinya, ini hanyalah kerana mengucapkan ayat ini dalam konteks tersebut besar kemungkinan mengelirukan kerana penutur diandaikan mempunyai pengetahuan yang sedia ada tentang keinginan pendengar. Pendengar besar kemungkinan membuat kesimpulan daripada pengucapan penutur yang sebenarnya bahawa sesuatu adalah palsu, iaitu bahawa penutur percaya bahawa peti sejuk mengandungi susu *yang sesuai untuk digunakan dalam kopi pendengar* (kerana memang itulah yang dianggap sebagai pokok perbincangan)⁷

Pada ketika inilah perbincangan sering bertukar menjadi soal gerak hati. Pelopor pandangan lazim berfikir bahawa adalah lebih lumrah dengan menangani contoh balas kepada pandangan lazim yang dikatakan wujud sebagai ciri ketaksaan, pergantungan pada konteks, atau pragmatik, kalangan yang tidak bersetuju dengan pandangan lazim tetap mengatakan sebaliknya. Walaupun kedua-dua pihak mungkin berpuas hati dengan gerak hati masing-masing, satu pihak tidak dapat meyakinkan pihak yang satu lagi (Searle, 1978; Travis, 1989, 1991, 1997; Berg, 1993). Saya tidak akan meneruskan perbincangan mengenainya di sini, dan hanya ingin menyatakan bahawa hujah lazim berbanding dengan pandangan lazim bergantung pada gerak hati yang mempunyai banyak kontroversi dan dengan itu, tidak sesuai sama sekali untuk menyokong kesimpulan yang kontroversi.

Hujah lazim berbanding dengan pandangan lazim dapat dimantapkan dengan merumuskan premis tersebut dengan lebih ihsan, dengan batasan yang sesuai:

Hujah Lazim yang Disemak Berbanding dengan Pandangan Lazim

- (i) Pengucapan ayat S seolah-olah benar dalam satu konteks tetapi tidak benar dalam konteks yang lain.
- (ii) Perbezaan yang dilihat dalam (i) nampaknya tidak disebabkan oleh fenomena ketaksaan, pergantungan pada konteks atau pragmatik.
 - ∴ Pandangan lazim semestinya salah.

Walaupun hujah ini umumnya tidak dinyatakan begini, rumusan premis ini lebih disokong oleh maklumat yang relevan dan mungkin lebih dekat dengan unsur pergantungan oleh kalangan yang tidak bersetuju dengan pandangan lazim. Walau bagaimanapun, versi hujah lazim berbanding dengan pandangan lazim ini tidak salah. Hal ini demikian kerana walaupun pandangan lazim *nampak* serasi dengan sesuatu kes tertentu, pandangan lazim tidak semestinya *benar-benar* serasi; hakikat semantik mungkin lain daripada yang sepatutnya.⁸

Ketaksahan hujah lazim yang disemak berbanding dengan pandangan lazim mencerminkan dua masalah yang berkaitan dengan hujah tersebut. Pertama, dengan menyatakan hujah ini dengan cara demikian, dapatlah diubah beban bukti; penghujah menimbulkan kes yang lebih sukar dan tanpa huraian yang sedia ada, dan meyakinkan selaras dengan pandangan lazim, kesimpulannya adalah bahawa pandangan lazim telah ditolak.⁹ Walau bagaimanapun, kalangan yang bersetuju dengan pandangan lazim tidak perlu menerimanya — kes sukar mungkin hanya kes sukar, bukannya contoh balas. Sesungguhnya, tidaklah bermakna bahawa kes sukar tidak semestinya menolak suatu teori; tetapi untuk berbuat demikian haruslah ada *terlalu* banyak kes yang *terlalu* sukar. Dalam hal ini, teori mestilah dinilai secara menyeluruh, berbanding dengan pilihan lain.¹⁰ Dan walaupun ada banyak kes sukar yang dihadapi oleh pandangan lazim, tidak ada pilihan lain (termasuk “semantik yang bergantung pada pertuturan” yang disarankan oleh Travis [1991]) yang menghadapi bilangan kes sukar yang kurang.

Kedua, ketaksahan hujah lazim yang disemak menyarankan bahawa kes yang berbanding dengan pandangan lazim bergantung pada premis tersirat bahawa semantik haruslah jelas, dalam erti kata bahawa penutur yang fasih suatu bahasa tabii sentiasa faham akan sesuatu yang diucapkan oleh mereka. Sebagai contoh, Travis (1997) menghuraikan bahawa jika premis pertama dalam hujah lazim berbanding dengan pandangan lazim adalah palsu, maka ayat yang dipersoalkan adalah sama ada benar dalam kedua-dua konteks atau tidak benar atau palsu dalam kedua-dua konteks. “Pemisahan manakah yang betul?” tanya beliau. “Seseorang itu harus memilih dengan cara yang berprinsip. Apa yang dimaksudkan oleh perkataan haruslah menjadikan satu daripada pemisahan itu benar secara *jelas*, atau sekurang-kurangnya secara *yang dapat ditunjukkan* (1997:90, dengan lebih tegas). Jika demikian, apa yang cuma *kelihatan* kepada penutur yang berketerampilan sebagai contoh balas kepada pandangan lazim *sememangnya* contoh balas.

Semantik tidaklah begitu mudah. Dalam hal ini, itulah masalahnya.

Penutur yang berketerampilan tidak semestinya sentiasa faham akan sesuatu yang diucapkannya. Apa yang *diketahui* oleh penutur yang berketerampilan kerana keterampilan mereka adalah *bagaimana menggunakan* pernyataan bahasa; mereka mengetahui *kesan* yang mungkin timbul daripada pelbagai pengucapan dalam keadaan yang berbeza. Tetapi ini tidak bermakna mereka sentiasa tahu apa — secara tegas — yang dikatakan. Walaupun ini nampaknya menghairankan, buktinya terletak pada hakikat yang sedia maklum bahawa penutur yang berketerampilan kadangkala tidak bersetuju tentang kandungan semantik. Contohnya, Russell (1905) dan Strawson (1950) merupakan penutur bahasa Inggeris yang terkenal tetapi mereka tidak bersetuju tentang kandungan semantik dalam ayat seperti “The present king of France is bald”. Oleh sebab kedua-duanya tidak mungkin betul, sekurang-kurangnya salah seorang adalah salah. Dengan itu, keterampilan dalam bahasa tidak semestinya menjadikan seseorang itu mengetahui secara tersurat tentang semantik.¹¹

Cara lain untuk menilai hujah lazim berbanding dengan pandangan lazim adalah dengan cara yang ditunjukkan oleh Kripke (1977:16):

“Jika seseorang berhujah bahawa suatu fenomena tertentu dalam bahasa Inggeris adalah contoh balas kepada suatu analisis yang diberi, pertimbangkan suatu bahasa hipotetikal yang (sebanyak yang mungkin) adalah sama seperti bahasa Inggeris selain daripada bahawa analisis itu *disyaratkan* benar. Bayangkan bahasa hipotetikal seperti ini diperkenalkan dalam sebuah komuniti dan ditutur oleh komuniti tersebut. *Jika fenomena yang dibincangkan masih timbul dalam komuniti yang menutur bahasa hipotetikal seperti ini (yang mungkin bukan bahasa Inggeris), maka hakikat bahawa ia timbul dalam bahasa Inggeris tidak dapat membuktikan kebenaran hipotesis bahawa analisis itu adalah betul dalam bahasa Inggeris.*”¹²

Fenomena yang dikatakan suatu contoh balas kepada pandangan lazim adalah kecenderungan dalam kalangan penutur bahasa Inggeris dalam menggunakan (sebagai contoh) ayat

(2) There’s milk in the refrigerator.

(Ada susu dalam peti sejuk)

untuk menyampaikan mesej bahawa peti sejuk mengandungi tumpahan susu dan sepatutnya dicuci, dan kadangkala untuk menyampaikan mesej bahawa ada susu dalam peti sejuk yang sesuai untuk diadun bersama kopi. Sekarang, pertimbangkan bahasa hipotetikal katakan Shmenglish, yang di dalamnya pandangan lazim disyaratkan betul, dan yang sama seperti bahasa Inggeris

sebanyak yang mungkin. Bagi memungkinkan pandangan lazim benar dalam hal Shmenglish, (2) haruslah mempunyai kandungan semantik yang sama dan dengan itu nilai kebenaran yang sama dalam kedua-dua konteks yang dibayangkan (dalam perbincangan mengenai bagaimana sempurnanya peti sejuk telah dibersihkan dan juga apabila pendengar benar-benar mempunyai kepentingan mendapatkan susu untuk kopinya). Untuk memenuhi syarat ini, katakan kandungan semantik dalam (2) dalam bahasa Shmenglish hanyalah bahawa ada susu dalam peti sejuk, tidak kira berapa banyak atau dalam apa bentuk sekalipun — supaya (2) benar dalam kedua-dua konteks. Maka persoalannya adalah sama ada penutur bahasa Shmenglish cenderung untuk menggunakan (2) kadang-kadang untuk menyampaikan mesej bahawa ada tumpahan susu dalam peti sejuk yang harus dicuci, dan kadang-kadang untuk menyampaikan mesej bahawa ada susu dalam peti sejuk yang sesuai untuk diadun bersama kopi. Dan jawapannya “ya”.

Satu cara melihat mengapa penutur bahasa Shmenglish akan menggunakan (2) dengan cara yang sama seperti yang digunakan oleh penutur bahasa Inggeris adalah hakikat empirik bahawa penutur mana-mana bahasa selalunya tidak cenderung untuk menyatakan maklumat yang dipercayai oleh mereka sudah jelas kepada audiens mereka (Greenfield dan Dents, 1979). Hal ini sememangnya jelas kelihatan dalam penggunaan yang tidak betul akan pemerian yang pasti yang kerap kita gunakan (huraian tertentu yang tidak dipenuhi secara unik). Contohnya, semasa memberi suatu resipi masakan, saya akan menyatakan,

- (3a) Knead the dough for five minutes.
(Uli tepung selama lima minit), dan bukannya
- (3b) Knead the dough *that you just made* for five minutes.
(Uli tepung *yang anda baru buat* selama lima minit)

Asalkan saya pasti audiens saya jelas tentang tepung yang saya maksudkan. Begitu juga, dengan ayat

- (2a) There's milk in the refrigerator that should have been cleaned up.
(Ada susu dalam peti sejuk yang sepatutnya telah dibersihkan)

Penutur bahasa Shmenglish cenderung menggunakan (2), asalkan mereka fikir sudah jelas bahawa mereka bercakap tentang susu yang harus dibersihkan; dan berbanding dengan

- (2b) There's milk in the refrigerator that would be suitable for putting in your coffee.

(Ada susu dalam peti sejuk yang sesuai untuk diadun dengan kopi)

mereka sekali lagi lebih cenderung menggunakan (2), asalkan mereka fikir bahawa adalah jelas bahawa mereka sedang bercakap tentang susu yang sesuai diadun bersama kopi.

Satu cara lain untuk melihat mengapa penutur bahasa Shmenglish akan menggunakan (2) dengan cara yang sama seperti penutur bahasa Inggeris adalah dengan mempertimbangkan bagaimana penutur bahasa Shmenglish besar kemungkinan menganggap pengucapan mereka ditafsir. Jika seorang penutur bahasa Shmenglish menyatakan (2) dalam konteks perbincangan mengenai bagaimana sempurnanya peti sejuk dicuci, adalah munasabah untuk menjangkakan penutur itu untuk difahami sebagai bermaksud apa yang dikatakan dalam (2a) berbanding dengan apa yang dikatakan dalam (2b); sebaliknya, jika dia menyebut (2) dalam konteks perbincangan dalam keadaan pendengar benar-benar mempunyai kepentingan untuk mendapatkan susu untuk kopinya, adalah munasabah untuk menjangkakan bahawa dia difahamkan bermaksud seperti yang dikatakan dalam (2b) dan bukannya yang dikatakan dalam (2a). Dengan itu, besar kemungkinan dia menggunakan (2) sebagaimana kita menggunakannya.

HUJAH TRANSENDENTAL YANG MENYOKONG PANDANGAN LAZIM

Setelah saya menunjukkan bagaimana hujah lazim berbanding dengan pandangan lazim tidak meyakinkan, saya ingin memberi hujah transendental untuk menyokong pandangan lazim.

Kalangan yang tidak menyokong pandangan lazim juga akan bersetuju bahawa sekurang-kurangnya mesti ada *kekangan* pada kandungan semantik dalam sesuatu pernyataan (contohnya, Putnam, 1997:71). Ertinya, perkataan mempunyai ciri-ciri pergantungan pada konteks yang mengehendkan apa yang dapat dikatakan dengan menggunakannya (secara harfiah) dalam konteks tertentu. Dengan mengubahsuai satu contoh Wittgenstein, tidaklah dapat kita nyatakan secara harfiah, dalam bahasa Inggeris, bahawa cuaca panas, dengan mengucapkan kata-kata “cuaca dingin”. Sememangnya, kita *dapat* menyatakan bahawa cuaca panas dengan mengucapkan “cuaca dingin”, *jika* kita bertutur sesuatu bahasa lain — mungkin juga varian bahasa Inggeris. Atau, kita boleh menyatakan hal ini dengan bercakap secara tidak harfiah, mungkin secara ironik. Tetapi dalam sesuatu bahasa tertentu,

sebagaimana yang dituturkan pada suatu masa tertentu, apa yang dapat dikatakan secara harfiah dengan suatu pernyataan yang tertentu terbatas oleh kekangan yang bergantung pada konteks. Hal ini tidak bermakna bahawa kekangan itu mudah ditentukan; batas itu mungkin kabur, sukar dirumus, tidak dapat dinyatakan dengan cara yang diperlukan dan dalam keadaan yang memadai; tambahan lagi, batas itu mungkin sentiasa berubah-ubah, sedikit demi sedikit mengikut masa. (Sorot kembali kesimpulan Putnam, 1970:142, bahawa semantik ialah “sains sosial yang tipikal” — cincai, tidak tepat, tegar.) Walau bagaimanapun, dalam suatu bahasa tertentu (pada masa tertentu), ada batas yang wujud.

Dalam suatu ayat yang tertentu, tanpa sebarang ketaksaan, dengan pemberian rujukan kepada semua penyataannya bergantung pada konteks, *kandungan umum* ayat itu (relatif kepada yang bergantung pada konteks tertentu dan pemberian rujukan bergantung pada konteks) menjadi usul bahawa batasan kandungan semantik dipenuhi.¹³ Dengan itu, kandungan umum suatu ayat dibezakan dengan mana-mana *kandungan yang diperkaya oleh konteks* — kandungan tertentu yang bergantung pada konteks itu mungkin diperoleh dalam suatu konteks tertentu (dan yang diambil kira oleh kalangan yang tidak bersetuju dengan pandangan lazim sebagai kandungan semantik).¹⁴ Dengan itu, walaupun pandangan lazim jelas palsu dari segi kandungan yang diperkaya oleh konteks, namun, pandangan lazim jelas *benar* dari segi kandungan *umum*. Maka, persoalannya adalah, bidang manakah yang diliputi oleh semantik — kandungan umum atau kandungan yang diperkaya oleh konteks?

Jika semantik adalah mengenai “apa yang dikatakan”, persoalannya adalah: apa yang dikatakan” — kandungan umum atau kandungan yang diperkaya dari segi konteks? Ada tiga jawapan:

- (i) “apa yang dikatakan” ialah kandungan umum;
- (ii) “apa yang dikatakan” ialah kandungan yang diperkaya oleh konteks
- (iii) pernyataan “apa yang dikatakan” adalah taksa — “apa yang dikatakan” adalah kandungan umum dari satu segi dan kandungan yang diperkaya oleh konteks dalam erti kata yang lain.

Jawapan pertama menyokong pandangan lazim, jawapan kedua menyokong hujah yang menolak pandangan lazim, dan yang ketiga (yang disarankan oleh François Récanati, dalam perbualan) merupakan tolak ansur. Walaupun saya fikir bahawa pertimbangan tentang perbezaan antara, katakan,

“apa yang *sebenarnya dikatakan*” dengan “apa yang disampaikan tanpa diucapkan secara tersurat” menunjukkan bahawa jawapan pertama adalah yang paling mungkin, saya tidak akan berhujah tentang perkara ini. Buat masa sekarang, tidaklah memadai dengan melihat bahawa selagi kita dapat mengenal pasti dua jenis atau lapisan kandungan ini, ia adalah agak rambang bagaimana kita melabelnya. Walau bagaimanapun, kita dapat membezakan antara dua jenis teori, satu mengenai perhubungan antara pernyataan dengan kandungan umumnya, dan yang satu lagi antara pernyataan dengan kandungan yang diperkaya oleh konteks. Kita mungkin menamainya “semantik yang sebenarnya” dan “semantik yang kurang tepat”. (Saya lebih suka menamainya “semantik” dan “pragmatik” — tetapi saya tidak akan menggunakan istilah ini di sini supaya tidak kelihatan seolah-olah mengelak daripada menjawab persoalan.) Walaupun pandangan lazim tentang semantik tidak benar-benar menepati semantik yang kurang tepat, pandangan itu memang benar-benar menepati semantik yang sebenarnya.¹⁵

SIKAP TERLALU MEREMEHKAN SESUATU DAN DI MANA LETAKNYA MASALAH SEBENAR

Jadi, masih mungkinkah semantik? Sorot kembali harapan Putnam yang berhati-hati (1970:142):

“Banyak yang dapat kita siasat, dengan cara kita yang cincai dan berdasarkan anggapan, dan banyak yang dapat kita peroleh. Langkah pertama adalah membebaskan diri kita daripada ... sikap terlalu memandang remeh tentang sesuatu ... dan melihat di mana letaknya masalah sebenar.”

Apakah unsur terlalu memandang remeh tentang sesuatu yang harus kita singkirkan? Yang utama mengenai unsur terlalu memandang remeh tentang sesuatu adalah berkenaan dengan peranan konteks semantik merupakan anggapan bahawa kandungan semantik suatu ayat hanya apa yang difahami dengan betul daripada pengungkapan ayat tersebut. Walaupun ini mungkin benar-benar menepati semantik yang kurang tepat (bergantung pada ketepatannya), ia tidak benar-benar menepati semantik yang sebenarnya. Terlalu memandang remeh tentang sesuatu yang berkaitan adalah bahawa apa yang benar-benar penting dalam suatu pengucapan adalah kandungan semantik. Malah, pada hakikatnya, biasanya apa yang benar-benar penting ialah kandungan semantik yang kurang tepat, bukannya kandungan semantik yang sebenarnya. Inilah sebab mengapa gerak hati penutur yang berketerampilan berhubung dengan apa yang dikatakannya adalah petunjuk kandungan semantik yang kurang tepat, dan bukannya kan-

dungan semantik yang sebenarnya; dan dengan itu, merupakan pandangan yang terlalu remeh tentang sesuatu untuk mengenal pasti kandungan semantik dengan apa yang biasanya akan diungkapkan oleh penutur yang berketerampilan yang telah pun dikatakan.¹⁶

Dengan itu, di mana letaknya masalah sebenar? Masalah sebenar adalah dalam menghasilkan sesuatu secara serentak. Sesuatu itu merujuk kepada teori tentang maksud perkataan — yang bebas daripada sebarang konteks tertentu — dan juga teori tentang apa yang dapat disampaikan oleh kata-kata tersebut dalam konteks tertentu.

NOTA

- 1 Saya menganggap “kandungan semantik” sesuatu ayat sesuatu yang dinamai Grice (1975) “apa yang dikatakan” dengan mengucapkan ayat, atau apa yang Frege (1892) dan Cranap (1956) biasanya menggelar “usul (atau unsur usul) yang dinyatakan” oleh sesuatu ayat. Ini tidak lebih daripada keterangan ringkas sebelum membuat teori, tanpa sebarang komitmen serius terhadap tuntutan teori yang berkaitan dengan jenis pengucapan. Dengan itu, pergantungan pada konteks ditafsir sebagai termasuk mana-mana kes maklumat konteks yang memerlukan kita untuk mempunyai satu tafsiran.
- 2 Sememangnya ada juga kes ketaksaan logik yang berbeza daripada ketaksaan leksis atau sintaksis, sebagaimana dalam ayat “Everybody loves somebody”.
- 3 Pandangan lazim tentang semantik tidak perlu mengehendkan pergantungan pada konteks hanya kepada batasan yang lebih dikenali, seperti penutur, masa dan tempat. Mungkin ada lebih banyak batasan yang lebih menarik — mungkin pernyataan yang berkaitan dengan masa dalam sehari bergantung pada konteks dari segi zon masa; mungkin pernyataan hubungan masa seperti masa serentak bergantung pada konteks dari segi rangka rujukan. Sebagaimana Kaplan (1989: 591) menghuraikan, “Jika kita memikirkan peranan formal yang dimainkan oleh konteks dalam semantik teori model, maka kita seharusnya mengatakan bahawa konteks *menyediakan* sebarang batasan yang diperlukan. Dari segi ini, konteks adalah kumpulan batasan yang diperlukan untuk menentukan rujukan, dan dengan itu, kandungan, pernyataan sesuatu bahasa yang mempunyai rujukan secara langsung.”
- 4 Lihat nota 1. Saya menganggap bahawa sebuah usul mengandungi kebenaran yang unik berhubung dengan keadaan tertentu, tetapi saya tidak mempunyai sebarang tanggapan tentang nilai kebenaran yang ada — mungkin ada tiga, mungkin banyak, mungkin ia terdiri daripada jeda pada sesuatu julat. Apa yang penting untuk rumusan pandangan lazim ini adalah nilai kebenaran sesuatu usul bergantung hanya pada keadaan dan bukannya konteks.
- 5 Walaupun selaras dengan Travis (1989), saya telah merumuskan tuntutan ini dari segi pengucapan sebagai pembawa kebenaran, perbincangan ini juga dapat dirumuskan dari segi ayat, usul atau apa-apa sahaja yang kita mungkin lebih gemar sebagai pembawa kebenaran asas.
- 6 Lihat bahawa Travis bercakap tentang apa yang dikatakan, bukan tentang kebenaran

- menyatakannya. Dari segi usul (walaupun beliau tidak menyatakannya dengan cara ini) kedudukannya adalah bahawa ujaran sesuatu ayat dalam kedua-dua konteks ini menyatakan usul yang berbeza, satu benar dan satu palsu.
- 7 Cf Grice (1975/1989:32) untuk contoh klasik tentang kesan perbualan: “A berdiri sebelah kereta yang jelas tidak dapat bergerak dan didekati oleh B; perbualan berikut berlaku: (1) A: Saya sudah kehabisan minyak. B: Ada bengkel kereta dekat sini. (Keterangan: B menurut nasihat ‘Utamakan kerelevanan’ melainkan dia berfikir, atau berfikir adalah mungkin, bahawa bengkel kereta dibuka, dan ada minyak untuk dijual di sana; jadi dia membayangkan bahawa bengkel kereta adalah, atau sekurang-kurangnya mungkin, dibuka, dll.)”
 - 8 Mengenali ketaksahan sejadinya, Travis secara tersurat menolak rumusan yang disemak (perbualan persendirian).
 - 9 Apa yang ingin dinyatakan di sini adalah berdasarkan perbezaan antara dua rumusan premis pertama. Untuk mewujudkan premis pertama dalam hujah lazim, kita mesti menunjukkan bahawa pengucapan S memang benar dalam satu konteks, tetapi tidak benar dalam konteks yang lain; manakala untuk mewujudkan premis pertama hujah lazim yang disemak, kita hanya perlu menunjukkan bahawa ini *nampaknya* berlaku, sekurang-kurangnya secara *prima facie*.
 - 10 Cf Grice (1951/1961:41): “kenyataan kami tentang dunia luar menghadapi tribunal pengalaman deria bukan secara individu tetapi hanya sebagai badan korporat”
 - 11 Ini tidak bermakna bahawa tiada apa-apa makna sekalipun yang dalamnya kefasihan linguistik diperlukan, atau adalah tanda pengetahuan semantik. Saya menuntut bahawa hanya pengetahuan semantik tersurat — yang dapat disampaikan — yang berupa kekurangan dalam kalangan penutur fasih. Keterampilan linguistik semestinya tanda pengetahuan semantik seperti juga pengetahuan sintaksis. Jadi tidak menghairankan bahawa mereka tidak dapat menyampaikan pengetahuan semantik mereka dengan betul.
 - 12 Alasan di sebelah ujian ini mungkin dapat dinyatakan begini: jika seseorang menunjuk kepada fenomena P dalam bahasa L sebagai contoh balas kepada analisis A dalam L, dia nampaknya bergantung pada premis tersirat bahawa P tidak akan berlaku dalam mana-mana bahasa yang memuaskan A. Hujahnya mungkin dinyatakan demikian:
P berlaku dalam L,
[Dalam mana-mana bahasa yang di dalamnya A adalah benar, P tidak akan berlaku.]
Dengan itu, A tidak benar dalam L.
Jadi, jika kita dapat membayangkan sesuatu bahasa yang memuaskan A (tidak termasuk hipotesis) yang di dalamnya P *memang* berlaku, maka kita telah sampai ke suatu contoh balas kepada hujah premis tersirat.
 - 13 Atau, kandungan umum dapat dicirikan sebagai pemisahan infinit dalam kandungan semantik sesuatu ayat (berbanding dengan satu tafsiran dan pemberian rujukan yang bergantung pada konteks) dalam setiap konteks yang mungkin. Seseorang mungkin membantah bahawa penceritaan ini tidak koheren kerana walaupun dalam konteks yang tertentu, tidak ada kandungan tertentu, tiada apa yang harus ditafsir sebagai apa yang dikatakan (apa yang mungkin merupakan kesan daripada sesuatu kedudukan metafizikal Travis (1989, 1997); tetapi pandangan seperti ini tidak langsung mengikut gerak hati dan dengan itu saya menganggapnya sebagai sesuatu yang tidak akan berjaya dari mula lagi.
 - 14 Ini tidaklah bermaksud bahawa konteks tidak mempunyai sebarang peranan dalam menentukan kandungan umum, kerana konteks ditafsir secara tersurat sebagai

- perbandingan kepada satu tafsiran dan suatu pemberian rujukan yang bergantung pada konteks. Kandungan yang diperkaya oleh konteks diperkaya oleh konteks kerana ia bergantung pada konteks untuk *lebih* daripada hanya pergantungan pada konteks dan pemberian rujukan yang bergantung pada konteks.
- 15 Kita mungkin tidak bersetuju bahawa walaupun ada tanggapan tentang kandungan semantik yang sebenarnya, yang dipegang oleh pandangan lazim, tanggapan seperti ini memainkan peranan yang penting dalam cara pengucapan sebenarnya ditafsir. Ini merupakan penukaran tajuk, mengubah kedudukan persoalan yang semasa tentang di mana semantik adalah *mungkin* kepada persoalan asing tentang sama ada ia adalah *berguna*. Walaupun soalan yang terkemudian melampaui ruang lingkup makalah ini, saya percaya bahawa jawapan “ya” yang lahir daripada pertimbangan tentang (a) kebolehan kita untuk mempelajari perkataan baharu, (b) kebolehan kita untuk menghasilkan dan memahami ayat baharu dan (c) kejayaan kita menyampaikan kepercayaan kita tentang dunia (perkara terakhir ini dibawa ke perhatian saya oleh Micheal Devitt, dalam perbualan).
- 16 Pemudahan berlebihan yang terakhir ini berhubung rapat dengan “Kepalsuan Pernyataan” oleh Searle (1969:141) — kepalsuan “mengelirukan syarat untuk tindakan pertuturan dalam pernyataan dengan analisis makna perkataan tertentu yang berlaku dalam pernyataan tertentu” — dan juga seperti Barwise dan Perry (1983:38, 164–6, 264), sebagaimana dipetik oleh Perry (1988:6) “kepalsuan maklumat yang disalah letak” — “idea bahawa semua maklumat dalam sesuatu ujaran seharusnya datang daripada yang dinyatakannya.” Untuk perbincangan lanjut tentang perhubungan antara kandungan semantik dengan apa yang biasanya dikatakan oleh penutur fasih sebagai yang telah dinyatakan, lihat bahagian tentang Prinsip Kebolehwujudan oleh Récanati dalam Berg, 1998.

RUJUKAN

- Barwise, Jon dan John Perry, 1983. *Situations and Attitudes*. Cambridge: MIT Press.
- Berg, Jonathan, 1998. *In Defense of Direct Belief: Substitutivity, Availability, and Iterability*. *Lingua e Stile* 33: 461–70.
- Berg, Jonathan, 1993. *Literal Meaning and Context*. *Iyyun* 42:297–411.
- Carnap, Rudolph, 1956. *Meaning and Necessity*, edisi ke-2. Chicago: University of Chicago Press.
- Frege, Gottlob, 1982. *Ueber Sinn Un bedeutung Zeitschrift fur Philosophie and Philosipphishe Kritik* 100:25–50.
- Greenfield, P., dan C. Dents, 1979. “A Developmental Study of the Communication of Meaning: The Role of Uncertainty and Information”. dlm.: P.L French. (ed.) *The development of meaning*, 300–337. Hiroshima: Bunka Hyoron.
- Grice, Paul, 1975. “Logic and Conversation”. dlm.: P. Cole dan J. Morgan (ed.), *Syntax and Semantics*, Jil. 3, 41–58, New York: Academic Press (Dicetak semula dalam Grice, Paul, 1989. *Studies in The Way of Words*. Cambridge:

- Harvard University Press).
- Kaplan, David, 1989. *Afterthoughts*. dlm.: J. Almog, J. Perry dan J. Morgan (ed.), *Syntax and Semantics*, Jil. 3. New York: Oxford University Press.
- Kripke, Saul, 1977. "Speaker's Reference and Semantic Reference". dlm. *Midwest Studies in Philosophy*, 2: 255–76. (Dicetak semula dalam: P.A. French, T.E. (ed.), Uehling dan H.K. Wettstein, 1979. *Contemporary Perspectives in the Philosophy of Language* 6–27. Minneapolis: University of Minnesota Press).
- Perry, John, 1988. *Cognitive Significance And New Theories of Reference*. *Nous* 22: 1–18.
- Putnam, Hilary, 1970. "Is Semantics Possible"? dlm.: H. Keifer dan M. Mintz, (ed.), *Languages, belief and metaphysics*, 139–152. Press Albany: SUNY (Dicetak semula dalam: H. Putnam, 1975. "Mind, language and reality". *Kertas Kerja Falsafah*, Jil. 2, 139–52. Cambridge: Cambridge University Press).
- Putnam, Hilary, 1977. "...I thought of what I called an 'automatic sweetheart'." Syarahan I, Ben-Gurion University.
- Quine, W.V.O., 1951. *Two Dogmas of Empiricism*, *Philosophical Review* 60:20–43 (Dicetak semula dalam: W.V.O. Quine, 1961. From a logical point of view, edisi ke-2, 20–46 New York: Harper and Row).
- Russell, Bertrand, 1905. *On Denoting*. *Mind* 14:479–93.
- Searle, John, 1969. *Speech Acts*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Searle, John, 1978. *Literal Meaning*. *Erkenntnis* 13:207–24.
- Strawson, P.F., 1950. *On Referring*. *Mind* 59:320–44.
- Travis, Charles, 1989. *The Uses of Sense*. Oxford: Oxford University Press.
- Travis, Charles, 1991. *Annals of Analysis*. *Mind* 100:237–64.
- Travis, Charles, 1997. "Pragmatics". dlm.: B. Hale dan C. Wright, (ed.), *A companion to the philosophy of language*, 87–107. Oxford: Blackwell.